

## **KESEDARAN PENGHAYATAN RUKUN NEGARA ASAS KEUTUHAN KELUARGA MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

**Mohamad Hilmi bin Mat Said**

Universiti Malaysia Pahang, Malaysia

hilmi@ump.edu.my

**Ahmad Muhaimin bin Mohamad**

Universiti Malaysia Pahang, Malaysia

### **ABSTRAK**

Islam merupakan agama rasmi Malaysia yang amat menitikberatkan perpaduan dalam kalangan rakyat dalam sebuah negara. Manakala Rukun Negara adalah satu ideologi yang bertujuan untuk menstabilkan kedudukan kaum yang berbilang bangsa di tanah air Malaysia. Setelah berlaku perbalahan kecil di beberapa buah negeri dan kemuncaknya tercetus tragedi berdarah 13 Mei 1969, maka Majlis Perundingan Negara (MAPEN) telah membincangkan isu ini berbulan-bulan dan hasilnya Rukun Negara diwujudkan dan diisytihar pada ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-13. Rukun Negara didapati telah berjaya dalam membentuk perpaduan dan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini. Namun pada tahun 2020 Malaysia tidak terlepas daripada ujian pandemik COVID-19 selama 2 tahun. Tidak dinafikan lagi bahawa impak negatif dari pandemik ini, Malaysia sekali lagi menghadapi ujian yang hampir sama pada tahun 1969. Namun, dengan kebijaksanaan kerajaan dan kesabaran rakyat, tiada tragedi pertumpahan darah berlaku. Walaubagaimanapun, isu perpaduan dan keharmonian rakyat kembali diuji dengan ketidakstabilan politik, ekonomi dan sosial. Semasa YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-9 melalui ucapan sulungnya, beliau menekankan konsep baharu iaitu Keluarga Malaysia. Namun, konsep yang beliau uar-uarkan ini jelas kelihatan menepati situasi yang sedang dihadapi oleh rakyat Malaysia ketika ini. Penulisan ini bertujuan untuk menunjukkan kepentingan penghayatan ideologi Rukun Negara, amalan dan dilaksanakan demi mengukuhkan konsep Keluarga Malaysia. Ia membawa nilai keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran yang menjadi asas keluarga besar ini. Sesungguhnya, elemen penghayatan Rukun Negara dan konsep Keluarga Malaysia adalah bertepatan dengan nilai-nilai murni yang ditekankan dalam Islam. Semoga negara kita terus memperoleh lindungan Ilahi dengan usaha bersama, kerajaan dan rakyat mengembalikan penghayatan Rukun Negara. Dengan ini, diharap Rukun Negara kembali segar dihayati menerusi konsep Keluarga Malaysia yang merentas sempadan kaum, adat dan agama dalam memulihkan negara dari impak negatif COVID-19.

Kata kunci : Islam, Penghayatan, Rukun Negara dan Keluarga Malaysia

### **PENGENALAN**

Penulisan ini berkaitan dengan sejauh mana penghayatan Rukun Negara Malaysia dalam mengukuh dan menyokong konsep Keluarga Malaysia seperti dinyatakan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dalam ucapan sulungnya sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-9 pada 22 Ogos 2021.

“Marilah kita, dengan fikiran terbuka dan dada yang menerima, mencungkil persamaan dengan tidak lagi menggali perbezaan. Kita perlu bersepakat untuk menyelamatkan keluarga kita, iaitu Keluarga Malaysia”

Secara umumnya, Rukun Negara ini diusahakan kewujudannya setelah tercetus peristiwa berdarah 13 Mei 1969 dan telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong ke-IV, Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah

Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin pada 31 Ogos 1970, sempena ulang tahun ke-13 Kemerdekaan Negara.

Konsep Keluarga Malaysia pula adalah untuk mengajak rakyat Malaysia yang diuji dengan COVID-19 selama hampir 2 tahun agar kembali bersatu padu memberi sokongan tanpa berbelah bagi kepada kerajaan yang baru dibentuk ketika itu. Ini amat penting dalam memastikan pelan perancangan pertumbuhan ekonomi negara berjaya dilaksanakan setelah terkesan dengan ujian pandemik.

Justeru, dapat kita fahami bahawa prinsip Rukun Negara harus dihayati, diamalkan dan dilaksanakan dalam menyokong dan mendukung konsep Keluarga Malaysia. Konsep ini berteraskan 3 nilai yang dijayakan oleh setiap keluarga dalam semua lapisan masyarakat di Malaysia.

#### Rukun Negara

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai rakyat pelbagai kaum, agama dan kebudayaan serta mengamalkan cara hidup yang berbeza. Oleh itu, perpaduan negara adalah merupakan matlamat penting dalam setiap dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam bidang ekonomi dan sosial. Ia sentiasa terdedah kepada pelbagai ancaman dan kelemahan yang boleh mengakibatkan terjejasnya kedaulatan negara terjejas serta berlaku huru-hara, rusuhan, pergaduhan kaum dan sebagainya.

Perpaduan negara adalah perkara yang dititik beratkan dalam penyusunan setiap strategi pembangunan dan pentadbiran. Ia mampu mengekal dan mempertahankan kebebasannya sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat. Menerusi perpaduan yang kukuh, tahap pencapaian ekonomi negara dapat dipertingkatkan agar taraf hidup rakyat bertambah maju serta dapat mewujudkan suasana politik yang stabil.

Kecemerlangan dalam bidang pendidikan, keharmonian masyarakat serta pembinaan sebuah masyarakat Malaysia yang sejahtera, bersatu padu, bermaruah dan berwawasan akan terhasil. Hal ini akan menjadikan masyarakat Malaysia sebagai masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Rukun Negara merupakan satu ideologi yang mengandungi prinsip kehidupan bermasyarakat, nilai kenegaraan dan norma sosial yang meliputi aspek keagamaan, kebudayaan, ekonomi, politik dan perundangan.

Rusuhan kaum yang berlaku semasa peristiwa 13 Mei 1969 telah mengugat keamanan dan keutuhan negara pada ketika itu. Ekoran daripada peristiwa tersebut, sistem kerajaan berparlimen telah digantung dan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) telah ditubuhkan. Ia bertujuan untuk mengembalikan keamanan, menegakkan semula undang-undang negara dan memupuk susasana harmoni serta saling mempercayai dalam kalangan rakyat secara berkekalan. (Jabatan Penerangan Malaysia : 2007).

Firman Allah SWT :

“Wahai manusia! Sungguh, Kami telah menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenal”. ( al-Hujurat: 13 ) Ayat di atas, jelas menekankan konsep taaruf antara kaum dalam sesebuah masyarakat. Taaruf ini membawa maksud saling bekerjasama, mempertahankan hak masing-masing secara harmoni dan saling bantu-membantu ke arah kemajuan negara yang tercinta.(al-Sa'di: 1994).

#### Sejarah Rukun Negara

Kedatangan Inggeris dan dasar imigrasi liberal yang diperkenalkan telah menukar bentuk masyarakat negara ini. Mereka menggalakkan kemasukan tenaga buruh dari negara China, India dan Indonesia bekerja dilombong dan estet serta berniaga di bandar.

Di bawah dasar “pecah dan perintah” kerajaan kolonial Inggeris, ketiga-tiga kumpulan etnik ini dipisahkan dari segi tempat tinggal dan pekerjaan. Kebanyakan orang Melayu tinggal di desa dan bekerja di sektor pertanian, manakala orang Cina tinggal di bandar dan melibatkan diri dalam perniagaan. Orang India pula tinggal dan bekerja di estet-estet. Mereka juga dipisahkan dari segi pendidikan dan mempunyai aliran masing-masing tanpa sukatan pelajaran yang sama. Keadaan ini berterusan sehingga Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Pada tahun 1956 setahun sebelum merdeka, kekacauan telah berlaku di Pulau Pinang, semasa perayaan pemberian taraf bandaraya kepada Pulau Pinang. Perbalahan juga berlaku di Pangkor pada tahun 1960, di Bukit Mertajam 1966 dan di Pulau Pinang sekali lagi pada tahun 1967. Peristiwa kekacauan di atas berlaku secara kecil-kecilan namun setelah berlakunya peristiwa berdarah pada 13 Mei 1969 pihak kerajaan telah mengambil langkah yang tegas untuk mencari jalan penyelesaian agar peristiwa besar itu tidak berulang lagi. (Jabatan Penerangan Malaysia, 2007).

Justeru, tertubuhlah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang pengarahnya pada ketika itu ialah Tun Abdul Razak bin Dato' Hussien. MAGERAN pula menubuhkan Majlis Perundingan Negara (MAPEN) di bawah Undang-Undang Darurat yang diwartakan pada 29 Januari 1970. Majlis Perundingan Negara dianggotai oleh Tun Abdul Razak bin Dato' Hussien, Tun Dr Ismail bin Dato' Abdul Rahman, Tun Tan Siew Sin dan Tun V.T Sambanthan. Majlis ini juga dihadiri oleh wakil-wakil kerajaan, parti politik, tokoh agama, badan profesional, perkhidmatan awam, kesatuan sekerja, wartawan, persatuan guru dan wakil kumpulan kecil.

Mesyuarat pertama pada 27 Januari 1970 telah dipengerusikan oleh Pengarah MAGERAN Tun Abdul Razak bin Dato' Hussien. Setelah berbincang dan mengkaji secara mendalam selama beberapa bulan, Majlis Perundingan Negara telah merumuskan satu ideologi negara yang mampu mengatasi garis pemisah antara kaum perlu diadakan di negara ini. Berasaskan keputusan berikut, maka lahirlah Rukun Negara yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun ke-13 kemerdekaan negara.

Setiap warganegara Malaysia berkewajipan menjadikan Rukun Negara sebagai teras dan landasan hidup bermasyarakat di negara ini. Rukun Negara diwujudkan untuk menyemai nilai-nilai murni seperti nilai keagamaan, kesetiaan kepada raja dan negara, kepatuhan kepada perlumbaan, kedaulatan undang-undang serta membentuk masyarakat yang mengamalkan nilai kesopanan dan kesusilaan.

Rukun Negara juga menjadi pedoman kepada seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum ke arah pembentukan perpaduan nasional dan menjamin kesejahteraan masyarakat, seterusnya melahirkan sebuah negara dan bangsa Malaysia yang bersatu, demokratik, adil, liberal dan saintifik tanpa mengira keturunan dan kepercayaan. Prinsip-prinsip Rukun Negara adalah kunci kepada masyarakat majmuk untuk memelihara keharmonian dan perpaduan kaum demi kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negara. (Jabatan Penerangan Malaysia, 2007).

Firman Allah SWT:

“Bertolong-tolonglah kamu dalam kebajikan dan taqwa. Jangan kamu bertolong-tolong dalam dosa dan permusuhan”. (Al Maidah:2)

Ayat di atas menerangkan kepentingan saling tolong menolong dalam perkara yang membawa kebaikan iaitu yang diizinkan syarak dan melarang saling membantu dalam perkara kemaksiatan dan permusuhan. Ini jelas bahawa perpaduan dan keharmonian masyarakat menjadi agenda utama dalam agama Islam. (Al-Mahalli:1999)

### **Objektif Dan Prinsip Rukun Negara**

Rukun Negara bertujuan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang demokratik, saintifik, progresif dan bersatu padu. Selain, bersikap terbuka terhadap pelbagai cara hidup rakyat yang berbilang kaum. Matlamat ini akan tercapai apabila objektif Rukun Negara diamalkan oleh seluruh rakyat di negara ini. Rukun Negara terbahagi kepada dua bahagian seperti berikut: (Jabatan Penerangan Malaysia, 2007). Objektif Pembentukan Masyarakat Malaysia. Lima Prinsip Rukun Negara. Bahagian Pertama Objektif Pembentukan Masyarakat Malaysia, Objektif Pembentukan Masyarakat Malaysia adalah seperti berikut:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat. Memelihara satu cara hidup demokratik. Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama. Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak. Membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden. Bahagian Kedua Lima Prinsip Rukun Negara, Lima Prinsip Rukun Negara adalah seperti berikut: Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, Kesopanan, dan Kesusilaan, Konsep Keluarga Malaysia. Konsep keluarga Malaysia meliputi aspek pengenalan, rasional, mesej utama dan nilai teras. Perbincangannya adalah seperti berikut:

#### Pengenalan

Konsep atau pendekatan Keluarga Malaysia dipilih oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob pada 22 Ogos 2021 dalam ucapan sulung beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-9.

Institusi keluarga merupakan perkara yang penting buat Perdana Menteri. Sewaktu negara dilanda krisis, rakyat perlu bersatu hati merentas ras dan warna. Rakyat perlu mencari persamaan dan meraikan perbezaan. Rakyat perlu bergerak seperti sebuah keluarga. Keluarga Malaysia bukan sekadar satu gagasan, namun merupakan satu gaya hidup yang dianuti ahli-ahlinya. (Jabatan Penerangan Malaysia, 2021).

#### Rasional

Pendekatan Keluarga Malaysia sifatnya adalah inklusif. Ia merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum. Kita menyedari kewujudan institusi keluarga yang mengamalkan kepelbagaian budaya, bangsa dan agama masih mempunyai nilai kekeluargaan yang utuh dan mengikat hubungan mereka. Konsep ini diambil kerana keutuhan negara terikat dengan nilai didikan sempurna dalam sesebuah keluarga.

Justeru, kita adalah satu keluarga tanpa mengira agama, bangsa dan kaum. Ia merangkumi semua lapisan usia, sama ada anak muda, mahupun yang Kesedaran Penghayatan Rukun...

telah berusia. Keluarga Malaysia ialah satu entiti yang saling melengkapi umpama anggota tubuh yang saling memerlukan. (Jabatan Penerangan Malaysia, 2021).

Oleh itu, ayat 13 dalam surah al-Hujurat yang lalu mendasari konsep satu keluarga yang saling mengenali tanpa mengira agama, bangsa dan kaum serta saling bekerjasama dalam membawa keharmonian hidup dalam sebuah negara.

#### Mesej Utama

Mesej utama bagi Keluarga Malaysia merangkumi visi, matlamat, hala tuju, startegik dan bidang tumpuan utama seperti berikut:

Visi Malaysia: Memulihkan negara dan mencapai status Malaysia Negara Maju dan berpendapatan tinggi.

Matlamat: Aspirasi jangka masa panjang yang kalis cabaran masa hadapan dalam mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi serta berlandaskan keberhasilan kebahagiaan.

Hala tuju Strategik: Rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa akan berganding bahu memulihkan negara daripada impak negatif COVID-19.

#### Bidang Tumpuan Utama:

Memulih semula dan merapatkan jurang ekonomi.

Menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia di bawah naungan keluarga Malaysia.

Mengetepikan perbezaan politik untuk mencapai kestabilan.

Mesej Keluarga Malaysia dapat menerima persamaan dan perbezaan berdasarkan nilai-nilai dan ciri-ciri berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

#### Tiga Nilai Teras Keluarga Malaysia

Konsep Keluarga Malaysia memberi harapan besar kepada rakyat, namun ia bukanlah suatu yang mudah untuk dicapai dan tidak datang bergolek semudah ungkapan ‘keluarga nan indah’.

Konsep ini menggariskan tiga teras utama iaitu keterangkuman (inclusivity), kebersamaan (common ground) dan kesyukuran (contentment) serta 20 pengkayaan nilai termasuklah penekanan budaya integriti, amanah dan keadilan. (Suriani Othman, 2021)

#### Keterangkuman

Menyemai budaya integriti dalam keluarga bagi menjadikan amanah, keadilan, bermusyawarah, berilmu, berhemah dan berakhhlak mulia sebagai ciri-ciri dalam keluarga.

#### Kebersamaan

Bertanggungjawab, membudayakan amalan ihsan bersatu padu menyemai budaya khidmat, prihatin, keamanan dan kesabaran.

#### Kesyukuran

Mempunyai ciri harmoni, berkasih sayang, beriman, mengamalkan gaya hidup sihat, mengekalkan adat tradisi dan hormat menghormati.

Ketiga-tiga teras utama ini boleh diamati dalam Firman Allah SWT:

“Dan ingatlah juga tatkala Tuhan memaklumkan “Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambahkan (nikmat) kepadamu dan jika kamu mengingkarinya (nikmatKu), maka sesungguhnya azabKu amat pedih”. (Ibrahim: 13)

Ayat di atas, secara tuntasnya menyatakan bahawa kehidupan yang beramanah bersama nilai terpuji dibina dalam sebuah masyarakat yang

mempunyai nilai kekeluargaan tidak mengabaikan kesyukuran kepada Ilahi. Hal ini akan membawa kepada perlindungan dan kemakmuran bagi sebuah negara. (Ibn Kathir: 1998)

### Keterkaitan Rukun Negara dan Keluarga Malaysia:

Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 setelah tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969 betujuan membina dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang kaum. Tinjauan situasi semasa negara mendapati Rukun Negara signifikan mewujudkan keharmonian antara kaum. Pandemik COVID-19 dan krisis politik Malaysia pada awal 2020 mencetuskan situasi tidak stabil dalam Negara dari aspek ekonomi, social, keagamaan, Pendidikan termasuk keharmonian masyarakat. Seterusnya ketidakstabilan politik menyebabkan YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaacob selaku Perdana Menteri ke-9 memperkenalkan konsep Keluarga Malaysia yang antara lain mengukuhkan lagi perpaduan dan keharmonian antara kaum. Perkara ini sebagai salah satu strategi mengeluarkan Malaysia dari ketidakstabilan politik dan krisis akibat pandemik COVID-19.

Keluarga Malaysia menekankan 3 teras utama; salah satu ialah kebersamaan dalam usaha memulihkan semula kestabilan politik, aktiviti ekonomi dan mobilisasi sosial. Langkah kerajaan memulakan pendekatan Keluarga Malaysia ini melangkaui ideologi sosiopolitik termasuk blok pembangkang untuk bersama-sama bertanggunjawab ke arah pembangunan semula negara demi kemaslahatan rakyat.

Konsep Keluarga Malaysia adalah cerminan sempurna kepada sebuah keluarga yang setiap ahlinya mempunyai semangat untuk saling melengkapi, bertoleransi dan menghormati.

Maka sebagai sebuah keluarga besar, setiap warga Malaysia perlu memainkan peranan masing-masing bagi menggerakkan institusi kekeluargaan di semua lapisan agar semua suara didengari, setiap tindakan dihargai, setiap sumbangan dan buah fikiran disyukuri.

Sebagai kesimpulan, konsep Keluarga Malaysia yang dinyatakan seterusnya diperkuuhkan ikatannya menerusi penghayatan dan pengamalan Rukun Negara yang telah terbukti signifikan kepada kesepaduan dan keharmonian kaum di Malaysia sejak 5 dekad dahulu.

Serterusnya perbincangan konsep Keluarga Malaysia dicadangkan bertetapan dengan firman Allah SWT:

“Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan, menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah kalangan kamu ialah yang paling bertaqwa di antara kamu.” (al-Hujurat:13)

Ayat di atas jelas menyatakan manusia dijadikan ini; lelaki dan perempuan, berbangsa-bangsa dan bersuku-suku adalah untuk berkenal-kenalan sesama sendiri. Ini Secara tidak langsung menyokong konsep Keluarga Malaysia. Maksud berkenal-kenalan boleh ditafsirkan untuk hidup bersatu dalam masyarakat majmuk sebagai sebuah keluarga.

### **KESIMPULAN**

Perpaduan dan keharmonian adalah agenda utama kerajaan mengharmonikan pelbagai aspek kenegaraan; politik, ekonomi dan sosial. Maka dengan memperkuuhkan kembali penghayatan Rukun Negara menerusi konsep Keluarga

Malaysia memberi peluang kepada setiap anggota masyarakat memperkuuhkan keharmonian antara kaum . seterusnya konsep keluarga Malaysia dicadangkan selari dengan maksud ajaran Islam yang mengarah kepada keamanan dan keharmonian.

### Rujukan

- Al-Mahalli, Jalaluddin Muhammad ibn Ahmad dan Al-Sayuti, Jalaluddin Abd al-Rahman ibn Abi Bakr (1999) *Tafsir al-Jalalain*, Kaherah: Dar al-Tauzi‘ wa al-Nasr al-Islamiyyah
- Al-Sa‘di, Abdul Rahman bin Nasir (1994) *Taisir al-Karim al-Rahman*, Beirut: ‘Alim al-Kitab. Berita Harian (8 Oktober 2021). *Konsep Keluarga Malaysia Garis 3 Teras Utama*.
- Jabatan Komunikasi Komuniti, Jabatan Perdana Menteri. (18 Oktober 2021). *Keluarga Malaysia: Rukun Negara Asas Kesepaduan Watan*. Bernama.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Ismail bin Kathir (1998) *Tafsir al-Qur'an al-Azim*, Damsyiq: Maktabah Dar al-Faiha’.
- Jabatan Penerangan Malaysia (2007). *Rukun Negara*. Jabatan Penerangan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Jabatan Penerangan Malaysia (2021). *Keluarga Malaysia*. Jabatan Penerangan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Jabatan Perdana Menteri (2022). *Inspirasi Setahun Keluarga Malaysia-Teguh Bersama. Jabatan Perdana Menteri*.
- Nazri Muslim (9 Januari, 2021). *Rukun Negara asas perpaduan, pembinaan negara bangsa*. Berita Harian.
- Siti Suriani Othman (20 Disember 2021). *Konsep Keluarga Malaysia Wujud Tepat Pada Masanya*. Bernama.
- Tafsir Pimpinan al-Rahman* (2000) kepada Pengertian al-Qur'an (30 Juz). Kuala Lumpur: Darul Fikir.